

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 21 MAC 2016

RUJUKAN : 8772

SOALAN:

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bagaimana Kerajaan merancang
untuk membentaras gejala sosial seperti pelacuran yang semakin
menjadi akibat kehadiran pekerja lelaki (PADI dan PATI).**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelacuran adalah merupakan satu kesalahan jenayah yang ditakrifkan di bawah undang-undang Kanun Keseksaan terutamanya di bawah Seksyen 372 Kanun Keseksaan (*iaitu menyalahguna mana-mana orang bagi tujuan persundalan*) dan Seksyen 373 Kanun Keseksaan (*iaitu pengawalan rumah-rumah persundalan*). Selain daripada itu, Seksyen 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1959/1963 (*iaitu warganegara asing bekerja tanpa permit yang sah*), Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/1963 (*iaitu tiada pas perjalanan yang sah*), Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/1953 (*iaitu tamat tempoh pas perjalanan*) dan Peraturan 39b Peraturan-Peraturan Imigresen 1959/1963 juga turut digunapakai terhadap warganegara asing yang melanggar syarat dalam Pas Lawatan Sosial.

Dalam memastikan aktiviti pelacuran ini tidak menjejaskan kerukunan dan keharmonian masyarakat Malaysia, pelbagai langkah dan usaha telah diambil oleh pihak PDRM terutamanya untuk membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang secara tidak langsung menjejaskan imej negara ini. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

- (a) Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan mengambil tindakan keras ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;**
- (b) Mengadakan operasi-operasi ke atas tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai sarang-sarang pelacuran dari masa ke semasa;**
- (c) Menyengaraihitamkan perempuan-perempuan warganegara asing yang dikenalpasti sering memasuki negara ini khusus untuk menjalankan kegiatan pelacuran;**
- (d) Mengenalpasti tempat-tempat yang sering menjadi *point of entry* oleh penyeludup-penyeludup yang membawa perempuan-perempuan warganegara asing bagi dijadikan pelacur untuk tindakan pencegahan dan menyelamatkan mangsa;**
- (e) Kerjasama yang erat diantara agensi-agensipenguatkuasaanlain juga memainkan peranan penting dalam membendung gejala tidak bermoral ini;**
- (f) Penangkapan dan pendakwaan akan dibuat terhadap wanita yang disyaki terlibat dalam kegiatan pelacuran dan tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah**

**serta bekerja sebagai GRO tanpa permit yang sah;
dan**

- (g) Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan pasukan khas dalam Pasukan Polis DiRaja Malaysia iaitu *Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterism*(STAGG) bagi mengambil tindakan terhadap aktiviti maksiat secara lebih terancang dan berkesan.**